

# S Jurnal K r i n Malaysia

Vol.1:2004

Fakulti Seni Persembahan



**Penerbitan Filem Dokumentari: Satu Tinjauan Terhadap Perkembangan Sejarah dan Teknologi**  
*Raja Ahmad Alauddin*

**Metaphors of "The Female" in Malay Movies**  
*Fuziah Kartini Hassan Basri & Faridah Ibrahim*

**Genre and Pleasure: The Case of Malay(sian) Romantic Comedy**  
*Norman Yusoff*

**Fundamentals of Screenwriting: The First Step**  
*Wan Aida Wan Yahaya*

**Penarek Becha: Paradigma dalam Sinema Melayu**  
*Ayu Haswida Abu Bakar*

**Penilaian Semula Status "Industri" Perfileman di Malaysia**  
*Md Rushdi Kubon Md Shariff & Aidi Rahimi Hj Ibrahim*

**Persoalan Ontologi dan Epistemologi dalam Teks Dokumentari**  
*Ibrahim Jamaluddin*

**KOMENTAR**  
**Industri Filem Kita: Permasalahan dan Masa Depan**  
*A Razak Mohaideen*

**CATATAN**  
**Media Elektronik di Malaysia: Suatu Catatan Sejarah Ringkas**  
*Mohd Nordin Abdul Rahman*

**RUANGAN KHAS**  
**Teks Puisi Sebagai Refleksi Imej Alam Melayu**  
*Abd Ghafar Ibrahim*



# **Penarek Becha: Paradigma dalam Sinema Melayu**

*Ayu Haswida Abu Bakar*

*Allahyarham Tan Sri P.Ramlee telah mencetuskan satu anjakan paradigma dalam dunia sinema Melayu melalui filem sulung arahan beliau, Penarek Becha yang diterbitkan oleh Shaw Brothers pada tahun 1955. Penulisan ini secara ringkasnya membincangkan bagaimana sentuhan kreatif beliau dalam filem ini berjaya melenyapkan pengaruh budaya India yang cukup dominan ketika itu.*

Industri perfileman di Malaysia seperti yang kita ketahui bermula seawal tahun 1930-an. Namun sejarah awal industri perfileman ini, sebagai anak Melayu, tidak terkejut pun perasaan bangga apatah lagi dengan kegagalan *Permata Di Perlombongan* (1952) yang diarahkan oleh Raja Mahadi. Sehingga munculnya filem *Penarek Becha* pada tahun 1955.

Dari awal kita sudah dapat melihat kilauan sinarnya dengan kepelbagaian rintangan yang dihadapi. Pepatah Inggeris ada berkata *no pain no gain*. Sehingga seorang rakan P. Ramlee sanggup mencagarkan hidupnya dengan menjadi pekerja tanpa gaji dengan Shaw seumur hidup sekiranya filem yang satu ini gagal, seperti filem *Permata Di Perlombongan* arahan Raja Mahadi itu.

Dengan segala semangat dan pengalaman “wayang” yang ada ketika itu, beliau menghasilkan filem *Penarek Becha* dengan sentuhan jiwanya. Jiwa seorang anak Melayu yang sedikit terpengaruh dengan cara kehidupan masyarakat India yang dominan ketika itu. Hakikat ini telah diakui oleh Arkib Negara (2002):

Kesungguhan dan keupayaan beliau mempelajari pelbagai aspek pembikinan filem menyebabkan beliau diberi peluang mengarah filem *Penarek Becha* pada tahun 1955.

## **Pembaharuan dalam Filem Melayu**

Filem *Penarek Becha* diolah dengan begitu halus dan berhati-hati. Setiap aspek dalam filem *Penarek Becha* khususnya persembahan naratifnya menampilkan kelainan. Ketara hidup dan bangkit serta menyusuk sanubari penonton dan masyarakat ketika itu yang selama ini dibuai momokan imaginasi pengarah India. Ahmad Sarji (1999) yang menulis tentang P.Ramlee berpendapat:

...P. Ramlee telah cuba mengangkat aspek “kemelayuan” melalui kehidupan seorang penarik beca. P. Ramlee cuba memusnahkan batasan kelas-kelas dalam masyarakat. Bagi beliau, tidak ada garis sempadan sosial yang dibentuk oleh kekayaan harta-benda.

Aspek kemelayuan yang dirangka dan ditonjolkan melalui filem ini telah ditambah dan diisi dengan ornamentasi atau ton hiasan baru. Selain dari aspek mesej, melalui naratif juga dilakukan menerusi unsur-unsur irama dan lagu yang mana ianya menjadi *trademark* pada pengarah ini kemudian hari.

Irama tradisional seperti inang, joget, zapin dan sebagainya diberi nafas segar sekaligus menghidupkan tarian-tarian yang dicipta untuk filem-filem arahan beliau. Bertitik tolak melalui lagu inang yang dihidupkan melalui ton hiasan baru yang kontemporari pada zaman itu - *Inang Baru*, cukup menarik berbanding lagu-lagu saduran di dalam filem-filem Melayu arahan pengarah-pengarah India sebelum ini. Rentak tari yang digarap dan diubah suai dari langkah mak inang kepada yang lebih kontemporari. Inang baru kemudian telah menjadi suatu makna di dalam citra tari Melayu. Menurut Mohd. Anis Md. Noor (2002):

... wadah seni yang termuat di dalam filem arahnya sebagai *commercially viable*, banyak juga tarian baru mungkin tidak cukup atau tidak sepadan dengan nuansa tradisional telah mendapat tempat di dalam filem arahnya.

Hasil kejayaan inilah menjadikan filem kedua hasil tangan anak tempatan Melayu membuka mata taukeh Cina dan barisan pengarah India ketika itu. Pada kala itu juga kalangan karyawan Melayu mula berani menonjol diri kerana jalan telah dibuka seluasnya oleh P. Ramlee.

Antara sebab kejayaan filem ini juga boleh dikaitkan dengan populariti P. Ramlee ketika itu dan pengalaman berlakon beliau. Ketika itu P. Ramlee berada di kemuncak kejayaan sebagai pelakon. Siapa tidak kenal P. Ramlee, hampir kesemua filem lakonannya mencapai tahap *box office* dan menjadi pujaan setiap lapisan masyarakat. Beliau pada ketika itu boleh disama tarafkan seperti M.G.R di Tamil Nadu, India. Malah pengalaman beliau dalam bidang ini sudah luas dan "kebal." Pastinya masyarakat tertunggu-tunggu hasil kerja pelakon kesayangan mereka ini. Formula ini sebenarnya telah lama digunakan oleh P. Ramlee sebelum Datuk Yusoff Haslam mempraktikkannya dalam filem *Sembilu* (1994) dan *Sembilu 2* (1995).

Walau apa sekalipun sebabnya, filem ini berjaya mengubah corak industri perfileman di Tanah Melayu sekaligus menandai suatu bentuk pembaharuan dalam aspek naratif penceritaan ketika itu. Dengan kejayaan filem ini, *Shaw Brothers* melalui *Malay Film Productions* telah mengubah dasarnya dengan memberi peluang kepada anak tempatan.

## **Kemunculan Pengarah-Pengarah Melayu**

Bertitik tolak di sini, munculnya pengarah-pengarah Melayu yang lebih hebat daripada pengarah-pengarah India sebelum ini. Munculnya pengarah-pengarah seperti M. Amin, Jamil Sulong, Hussein Hanif, Salleh Ghani, Mat Sentul dan banyak lagi yang setiap orang mempunyai ragam dan citra yang tersendiri mengikut acuan Kemelayuan yang selama ini 'diabaikan' oleh pengarah sebelum ini. Golongan ini boleh dianggap sebagai generasi pengarah pertama - perintis industri perfileman Melayu di Tanah Melayu. Ornamantasi baru dari aspek penceritaan, tema dan idea mula berlaku dalam era ini. Generasi ini telah mengubah kerangka naratif dan tema yang klise dan menambah *repertoire genre* dalam filem-filem Melayu pada ketika itu.

Jamil Sulong, pengarah Melayu pertama juga pengarah pertama di Tanah Melayu yang menghasilkan filem-filem yang diadaptasi daripada cerita-cerita dongeng Melayu seperti *Batu Belah Batu Bertangkup* (1959) dan *Sultan Mahmud Mangkat Dijulang* (1961).

M. Amin melalui *Cucu Datuk Merah* (1963) telah memberi satu pembaharuan dalam naratif industri perfileman. Melalui filem ini, M. Amin telah memperkenalkan naratif dan watak anti hero.

Di mana watak dan naratif sebegini sukar untuk diterima oleh masyarakat ketika itu walaupun perkara ini klise dalam kehidupan mereka. Ini termasuklah filem *Lancang Kuning* (1962) yang begitu kuat naratif dan mesejnya.

Mat Sentul, pengarah dari *Cathay Keris* yang dikatakan bapa efek Malaysia turut mencorak industri perfileman ketika itu. Melalui beliau terhasilnya filem-filem bersiri "Mat" seperti *Mat Karung Guni* (1971), *Mat Tiga Suku* (1964), *Mat Magic* (1971) dan banyak lagi. Sumbangan Mat Sentul dalam industri perfileman sungguh besar dengan memperkenalkan efek melalui filem *Mat Bond* (1967) yang kini disambung oleh Aziz M. Osman, seorang sutradara muda dalam sinema Malaysia kontemporari.

Hasil daripada filem *Penarek Becha* ini juga, munculnya *Sumpah Orang Minyak* (1957) arahan P. Ramlee. Melalui filem ini nama anak Melayu dan Malaysia dijulung pada peringkat Asia. Seterusnya pada tahun 1965 melalui filem *Ibu Mertuaku* juga arahan beliau, nama Malaysia bergema di Festival Filem Asia-Pasifik apabila ia dianugerah anugerah khas, *The Most Versatile Artist Award*.

Kejayaan demi kejayaan telah dihasilkan oleh pengarah-pengarah Melayu generasi ini. Naratif dalam filem-filem arahan mereka ini sedikit demi sedikit telah "membuang" budaya keindiaan. Namun tidak boleh dinafikan sisa-sisa budaya keindiaan ini masih terlekat dalam filem-filem kita.

Kesan kejayaan filem *Penarek Becha* ini juga, pengarah-pengarah Melayu telah mendominasi aspek pengarah di kedua-dua studio terbesar di Tanah Melayu ketika itu - *Malay Film Productions* dan *Cathay Keris*.

Jika tidak kerana kejayaan filem *Penarek Becha* ini, mungkin kebangkitan pengarah-pengarah Melayu agak lambat. Mungkin kini filem-filem kita masih kuat dibelenggu oleh budaya India. Siapa tahu?

Pemergian Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee yang sudah hampir 29 tahun ini masih diingati kerana sumbangannya yang satu ini. Walaupun pada dasarnya kecil tetapi filem *Penarek Becha* arahan beliau ini sememangnya istimewa.

## Rujukan

- Ahmad Sarji. (1999). *P. Ramlee: Erti Yang Sakit*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Arkib Negara. (2002). *P. Ramlee: Sepanjang Riwayatku*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- M.Amin & Wahba. (1998). *Layar Perak dan Sejarahahnya*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Anis Md. Noor. (2002). *Citra Seni Tari Dalam Filem-filem P. Ramlee*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

---

AYU HASWIDA ABU BAKAR teaches film theory and Malaysian cinema at the Screen Department, Faculty of Performing Arts, UiTM, Shah Alam.